

PERSEPSI DAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DARI PERSPEKTIF IBU BAPA: SATU ANALISIS KUALITATIF

CHE SU BINTI MUSTAFFA
NAN ZAKIAH MEGAT IBRAHIM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Abstrak

Komunikasi memainkan peranan yang penting dalam sesebuah organisasi. Kepentingan peranan komunikasi ini jelas sebagai penyalur dan perkongsian maklumat antara ahli keluarga, pendidikan, hiburan, dan sebagainya yang menjadi wadah kepada proses sosialisasi serta pendidikan yang dilalui oleh seseorang kanak-kanak hinggalah membawa kepada beliau menjadi seorang dewasa. Salah satu elemen penting dewasa ini yang turut berperanan dalam hubungan anak-ibu bapa ialah media sosial terutamanya penggunaan *Facebook*. Sehubungan itu, kertas kerja ini membincangkan tentang pola penggunaan *Facebook* dalam kalangan ibu bapa bagi tujuan berhubung dengan anak-anak. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual berstruktur dengan ibu bapa yang mempunyai laman sosial *Facebook*. Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo. Hasil analisis mencerminkan beberapa kategori penggunaan laman sosial dalam kalangan ibu bapa iaitu untuk tujuan mengikuti perkembangan semasa, berhubung dengan ahli keluarga, mengeratkan silaturahim, pekerjaan, akademik dan lain-lain. Rata-ratanya responden merasakan bahawa mereka merasa gembira menggunakan laman sosial berkenaan di samping memperoleh maklumat semasa. Dalam konteks perhubungan dengan anak-anak, terdapat sebahagian responden yang mengakui bahawa media sosial berpontesi menjadi pemantau aktiviti anak-anak. Berdasarkan kepada hasil kajian, implikasi dan cadangan kajian turut dibincangkan.

Kata kunci: *Persepsi; penggunaan; media sosial; komunikasi keluarga; Facebook*

PERCEPTION AND THE USE OF SOCIAL MEDIA FROM THE PERSPECTIVES OF PARENTS: A QUALITATIVE ANALYSIS

Abstract

Communication plays a vital role in any organization. Its significant role as an information and sharing channel between family, education, leisure has become a foundation for socialization and education process that a child goes through from childhood to adulthood. One of the vital elements that helps connect child-parents relationship is social media especially Facebook. Thus, this article discusses the use of Facebook amongst parents to get in touch with their children. Research method use is structured interview with parents who uses Facebook while Nvivo is used to analyse data. Research results revealed a few categories in the use of social websites amongst parents to: follow current development, communicate with family, strengthen relationships, and for work and academic purposes. Generally, the respondents were satisfied with the social website aside from getting current information. In terms of parent-children relationship, some respondents asserted that social media has the potential to be a tool to monitor children's activities. Results also discuss the implication and suggestion for future research.

Keywords: *Perception, usage, social media, family communication, Facebook*

PENGENALAN

Komunikasi memainkan peranan yang penting dalam sesebuah organisasi. Kepentingan peranan komunikasi ini jelas sebagai penyalur dan perkongsian maklumat antara ahli keluarga, pendidikan, hiburan, dan sebagainya yang menjadi wadah kepada proses sosialisasi serta pendidikan yang dilalui oleh seseorang kanak-kanak hinggalah membawa kepada beliau menjadi seorang dewasa.

Pendidikan yang diterima dalam sesebuah keluarga berperanan besar dalam membentuk individu untuk menjadi manusia yang berguna atau sebaliknya. Peranan komunikasi dalam sesebuah keluarga diakui penting berdasarkan kepada kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana. Namun begitu, keberkesanan komunikasi dalam sesebuah keluarga kini disaingi oleh peranan berbagai elemen yang lain yang mencabar kemahiran ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Salah satu daripada elemen berkenaan ialah teknologi seperti Internet, media sosial dan sebagainya.

Perkembangan teknologi yang cukup pesat dewasa ini menyebabkan sarjana turut memecahkan agihan masyarakat berdasarkan kepada penguasaan teknologi. Misalnya pembahagian kepada Generasi X (dilahirkan pada tahun 1965-1979) dan Generasi Y (dilahirkan pada tahun 1980-2000). Generasi X didefinisikan sebagai generasi yang dilahirkan antara tahun 1965 dan 1977 yang mewakili generasi usahawan terkemuka dalam sejarah dunia. Generasi X turut merupakan generasi yang berpendidikan, literasi teknologi, komitmen yang tinggi terhadap kehidupan berkeluarga dan mempunyai etika kerja yang tinggi. Manakala generasi Y pula merupakan *digital natives*, mempunyai jaringan sosial secara atas talian sebagai satu bentuk komunikasi yang penting dan merupakan golongan yang dianggap sebagai *high-performance* dan *high-maintenance*.

Secara tradisinya, Generasi X dikenali sebagai mereka yang mencari keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan. Generasi Y pula dikatakan merupakan generasi yang mahu membina jaringan hubungan di luar waktu pejabat. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan dari segi ciri kerja antara kumpulan yang digolongkan sebagai *Baby Boomers* dan *Xers* (Yu & Miller, 2003). Ini termasuklah perbezaan dari segi nilai kerja, sikap terhadap kerja dan jangkaan terhadap kerja. Banyak kajian berkaitan dengan elemen-elemen ini menumpukan terhadap nilai dan sikap di barat (Robbins, 1998). Ini menyebabkan generalisasi kajian dalam konteks budaya yang lain dari Barat mungkin mendatangkan hasil kajian yang berbeza.

Perbezaan antara dua golongan ini akibat dari perubahan teknologi berkemungkinan turut mendatangkan implikasi terhadap ekologi komunikasi dalam sesebuah keluarga. Kalau dulu, secara tradisinya komunikasi ibubapa-anak banyak berlaku secara bersemuka, kini pelbagai saluran komunikasi boleh digunakan. Ibubapa kini tidak lagi menjadi sumber utama rujukan anak-anak. Pelbagai maklumat boleh diperolehi melalui Internet dan rakan-rakan atas talian. Terdapat ibubapa yang turut menggunakan media sosial untuk berhubung dengan anak-anak termasuklah memantau tingkahlaku anak-anak. Pakar-pakar psikologi sebenarnya seringkali meneroka idea dan motif berkaitan dengan kesan penggunaan media sosial melalui Internet untuk memahami apa yang berlaku apabila seseorang menggunakan Internet. Internet sebenarnya adalah merupakan peralatan yang memandu kita kemana kita ingin tuju. Salah satu kelebihanannya ialah berkomunikasi pada tahap antarabangsa dengan individu yang tidak kita kenali dan memperoleh perspektif dari mereka yang berbeza

latarbelakang dengan kita. Internet sebenarnya boleh memberikan kebaikan dan keburukan.

Antara punca-punca kenapa Internet menyumbang kepada pepecahan keluarga ialah kadar penggunaan Internet. Di Korea, masa yang dihabiskan untuk melayari Internet ialah 1-4 jam sehari. Banyak pelajar menjawab bahawa mereka menghabiskan 9-14 jam sehari lepas sekolah melayari Internet serta kurang mempunyai pengawalan diri. Internet hanyalah melibatkan aktiviti menekan butang dan boleh berhubung dengan laman sedunia 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu dan Internet membawa kepada ketagihan. Lama kelamaan penggunaan Internet mengurangkan masa untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga. Dalam masa yang sama penggunaan intensif peralatan moden seperti telefon selular dan komputer yang mempunyai akses kepada Internet telah membuatkan komunikasi bersemuka menjadi kurang penting. Peralatan berkenaan dicipta memudahkan kita berdepan dengan permasalahan ketagihan Internet. Di Korea, berita tentang pasangan yang ketagihan bermain permainan atas talian menyebabkan anak mereka berumur tiga bulan mati kelaparan. Alatan yang dicipta ini menyebabkan mereka kehilangan masa dalam dunia siber.

Namun begitu, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa telefon selular dan Internet tidak menjejaskan keakraban hubungan dengan keluarga mereka (60%), 25% mengatakan telefon selular dan komunikasi atas talian meningkatkan hubungan kekeluargaan, dan 11% mengatakan Internet mempunyai kesan yang negatif. Ini membawa kepada rumusan bahawa penggunaan teknologi sebegini boleh mendatangkan pelbagai implikasi positif mahupun negatif.

Dalam satu analisis statistik yang diperolehi daripada Internet World Statistics (2011) berkaitan dengan bilangan pengguna Facebook (rujuk Jadual 1) menunjukkan Malaysia berada pada tangga ketiga dari segi bilangan ahli Facebook yang mendaftar. Begitu juga dari segi nisbah pengguna *Facebook* dengan populasi yang juga menunjukkan Malaysia berada di tangga ketiga dengan 31.2% daripada populasi rakyat Malaysia yang mendaftar sebagai ahli *Facebook*.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kertas kerja ini menumpukan kepada perbincangan berkaitan dengan pola penggunaan media sosial dalam kalangan ibu bapa. Kajian ini menyumbang kepada aspek akademik dan pragmatik. Dari segi akademik, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada penambahan kajian-kajian berkaitan dengan media sosial dalam konteks komunikasi keluarga. Dari segi pragmatiknya, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pembentukan polisi dan garis panduan berkaitan dengan penggunaan media sosial dewasa ini.

KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Facebook mula diperkenalkan pada tahun 2004 oleh Mark Zuckerberg, seorang pelajar di Universiti Harvard. Pada awal pengenalan *Facebook*, hanya pelajar Universiti Harvard yang mempunyai e-mel pelajar (edu.email address) sahaja

boleh mendaftar sebagai pengguna. Selepas dua minggu pertama diperkenalkan kepada umum, seramai 4300 pelajar mendaftar sebagai pengguna *Facebook*. Populariti laman web *Facebook* kemudiannya berkembang ke serata dunia termasuklah Malaysia. Tinjauan Persatuan Digital Malaysia (MDA) mendapati jumlah pengguna berdaftar bagi laman jaringan sosial *Facebook* adalah 8 juta orang. Ini menjadikan *Facebook* sebagai laman sosial yang terbanyak merekodkan jumlah pengguna berdaftar di Malaysia (Berita Harian Online, 21 November 2010). Jumlah ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa *Facebook* merupakan laman sosial yang paling popular di Malaysia. Populariti *Facebook* telah menarik minat ramai pengkaji untuk menyelidik penggunaan laman sosial ini. Menurut Ritcher dan Koch (2008), fungsi laman jaringan sosial adalah untuk mengurus identiti (identity management), mencari pakar (expert finding), menyedari konteks (context awareness), mengurus kenalan (contact management) dan menukar maklumat (exchange information). Sarjana juga mengemukakan motif penggunaan *Facebook* adalah untuk mengekalkan hubungan, meluaskan masa, menyertai komuniti maya, menghiburkan, merasa hebat, mencari teman, (Sheldon, 2008) mendedahkan diri, dan mencari maklumat (Ishii, 2008).

Ketagihan dalam penggunaan laman *Facebook* juga boleh memberi implikasi negatif. Mereka yang akses laman *Facebook* dalam satu jangka masa yang lama boleh menyebabkan mereka mengalami ketagihan kepada laman sosial tersebut. Selain itu, pelbagai pihak akan mengambil kesempatan sama ada meraih keuntungan dengan melakukan penipuan yang bertujuan untuk menimbulkan aib kepada individu tertentu. Selain itu, tidak kurang juga terdapat pengguna yang menggunakan *Facebook* untuk meluapkan perasaan geram, benci dan sedih mereka terhadap individu tertentu. Apa yang lebih memburukkan adalah apabila *Facebook* dipanjangkan dengan komentar tidak sepatutnya terutama yang melibatkan hal rumah tangga (Mohamad Isa Abd Ralip, 2010). Dalam satu laporan akhbar berkaitan dengan satu peristiwa pergaduhan yang melibatkan dua rakan baik sehingga menyebabkan salah seorang daripada mereka parah ditikam di sebuah kafe (Tikam rakan akibat ejekan dalam *Facebook*, 2010). Perkara ini semua berpunca daripada komen yang berunsurkan ejek-mengejek dalam laman *Facebook* masing-masing.

Dalam konteks tempatan, hasil kajian oleh Mahmud dan Omar (2013) mendapati lima motif utama penggunaan *Facebook* – merasa hebat berteman, menghiburkan, mengekalkan hubungan, mencari maklumat dan menyertai komuniti maya. Motif menghiburkan dianggap sebagai penyumbang yang dominan dalam menerangkan jumlah masa penggunaan dan bilangan kenalan dalam *Facebook*. Mohd Effendi (2010) dalam kajiannya ke atas pelajar sekolah telah melaporkan bahawa 38% pelajar secara dominan akan menggunakan laman *Facebook* secara purata 2 jam sehari, 56% telah mempunyai pengalaman menggunakan *Facebook* selama tiga tahun, anggaran jumlah rakan adalah seramai 201 hingga 300 orang rakan.

Salah satu dari implikasi penggunaan teknologi ialah kewujudan apa yang dikenali sebagai jurang generasi (*Generation Gap*) yang seringkali merujuk kepada perbezaan yang wujud antara generasi yang menyebabkan wujudnya konflik dan komunikasi yang mencabar. Jurang generasi mengakibatkan kekecewaan kerana kurangnya komunikasi antara golongan tua dan muda, pemisahan waktu yang mengakibatkan pemisahan budaya dalam masyarakat, serta juga perbezaan pola pandangan. Jurang generasi juga boleh wujud sebagai implikasi dari perbezaan penggunaan media sosial iaitu hubungan antara anak-anak dengan ibu bapa.

Meskipun seringkali wujud perbezaan antara generasi, perbezaan demikian tidak ketara sehinggalah keabad ke 20 kerana situasi sebelum tempoh masa berkenaan mobility agak rendah. Generasi awal penduduk sesebuah negara turut melalui kehidupan sukar iaitu peperangan dan sebagainya. Pasangan yang baru berkahwin biasanya tinggal berhampiran dengan keluarga mereka serta memelihara amalan tradisi keluarga. Dengan adanya media seperti televisyen dan filem, golongan muda banyak terdedah kepada pertembungan budaya yang seterusnya membawa kepada pelbagai perubahan. Artis-artis menjadi pujaan. Nilai kehidupan kehidupan makin berubah antara satu generasi dengan generasi yang lain. Interaksi dengan anak-anak tidak lagi bersifat sehala. Pandangan bahawa 'ibu dan bapa kemudian anak-anak' tidak lagi terpakai. Sebaliknya ibu bapa perlu memahirkan diri menjadi 'rakan anak-anak'. Kemahiran mendengar dan berbincang dengan anak-anak perlu dipupuk. Konsep membuat keputusan untuk anak remaja juga tidak lagi boleh diamalkan. Sebaliknya gaya berbincang nyata lebih berkesan. Aspek ini lebih mencabar terutama apabila ibu bapa perlu turut berperanan menyaingi rakan digital anak-anak yang wujud melalui penggunaan *Facebook*.

Selain dari nilai yang berbeza antara kumpulan umur yang berbeza, perbezaan juga timbul dari sudut ciri-ciri kerja. Salah satu perbezaan yang ketara bagi individu yang berumur dalam 20an dengan individu yang berumur 40an ialah sistem nilai mereka (Stauffer, 1997). Golongan berumur 20an (*Xers*) lebih bebas, mempunyai motivasi sendiri dan 'self-sufficient' (Loomis, 2000). Ini kerana golongan *Xers* ini tidak mendapat perhatian yang sepenuhnya dari ibu bapa kerana ibu bapa mereka bekerja atau mempunyai ibu atau bapa tunggal. Dengan itu, *Xers* berkemampuan untuk mengendalikan aktiviti dengan cara mereka sendiri. Sebaliknya, golongan yang dikenali sebagai *Baby Boomers*, berkecenderungan untuk menjadi lebih rajin dalam melakukan pekerjaan dan lebih menggemari persekitaran kerja yang stabil. Golongan ini lahir dalam era dimana keadaan ekonomi yang agak stabil dan *Baby Boomers* telah lama dikenali sebagai generasi yang mencari penyelesaian dalam persekitaran kerja jangka panjang dengan sesebuah organisasi.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan *Facebook* turut mendatangkan pelbagai kesan terhadap perhubungan remaja dan ibu bapa. Namun begitu, kebanyakan penelitian meninjau tentang

penggunaan media social dari sudut pandangan remaja walhal terdapat ibu bapa yang turut menggunakan media sosial dengan berbagai tujuan. Lantaran itu, kertas kerja ini memperkatakan tentang tujuan ibu bapa menggunakan *Facebook*.


KAEDAH PENYELIDIKAN

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah temubual berstruktur dengan lapan orang ibu bapa yang mempunyai *Facebook*. Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi 10. Lapan soalan yang dikemukakan oleh penyelidik kepada responden berkaitan dengan penggunaan media sosial *Facebook*.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tujuan penggunaan Facebook

Hasil analisis menunjukkan terdapat 17 tujuan penggunaan media sosial *Facebook* yang dikemukakan oleh responden yang terdiri daripada ibu bapa. Tujuan penggunaan *Facebook* tersebut merangkumi tujuan seperti kerahsiaan, pentadbiran, mengimbuu kenangan, sokongan sosial, dakwah, tidak mahu ketinggalan dari segi teknologi, mengakrabkan hubungan, tujuan akademik, mengenali personaliti, ajakan rakan, alternatif realiti hidup, tekanan keluarga, perkongsian aktiviti, komunikasi, mengurangkan tekanan, sumber maklumat dan juga hiburan (Rajah 1).



Rajah 1: Tujuan penggunaan facebook

i. Hiburan

Dari segi hiburan, responden menyatakan penggunaan media sosial *Facebook* lebih kepada tujuan hiburan semata-mata sebagaimana petikan yang dinyatakan oleh responden:

Responden 1: *Dan juga saya mengenali Ustaz Azhar Idrus melalui Facebook. Bila orang upload-upload pasal dia kita rasa macam menarik lah. Saya ni antara peminat Ustaz Azhar lah dalam orang duk kata dia tu mulut lazer la lantang lah, tetapi ada ilmu nya*

disitu. Yang penting ilmu dia. Pada saya keperibadian setiap orang tu tak sama, kita dengan orang tak sama, orang dengan kita pun tak sama. Itu lah dia. Apa yang kita ialah ilmu dia. Banyak perkara mengenai dia saya dapat melalui dia.

ii. Sumber maklumat

Media sosial *Facebook* juga turut digunakan sebagai sumber maklumat. Demikian menurut pandangan berkaitan dengan penggunaan *Facebook* sebagai sumber maklumat:

Responden 1: *Yang ketiganya saya dapat maklumat lain contohnya tentang apa yang kita tak dapat dalam mass media kita. Contohnya Negara kita ni dikatakan Negara kita paling mudah untuk melakukan gejala rasuah. Yang ni tersebar di merata-rata sampaikan pensyarah anak saya pun tanya, dan anak saya kata dia sangat malu sebab dia selalu menceritakan kebaikan-kebaikan Negara, tiba-tiba yang orang tanya pasal keburukan Negara kita yang kita tak boleh nafikan. Orang luar duk tanya betul ke ini berlaku dalam Negara kita dan benda ni memang disahkan oleh kajian akademik. Yes ke no kita tak tahu sebab output nya ada disitu.*

Responden 4 (i): *Maklumat pun senang. Orang perempuan saya tak tengok Facebook. Saya pulak kena tukang cerita yang ada dalam Facebook dekat dia. Pasal dia tak tau apa. Bukan selalu duk telefon pun. Telefon pun kadang-kadang habaq kata takdak duit lah. So kita main Facebook lah lagi bagus. So malam saya cerita kat dia. Macam semalam anak saya AG masuk AJL, orang perempuan saya tidoq je, lepas tu jaga duk tanya saya lah semalam tak tengok ka? So Facebook ni lah semua ada, mai tengok dulu apa dia, so dapatlah cerita. Apa saja lah boleh dapat, dengan cucu lagi, kami boleh tengok kot Facebook ni detail. Dari first day dia baru masuk sekolah tau, dapat tengok. Macamana nak tengok, saya ke KL bukan pi selalu pun. Jadi Facebook lah yang membantu saya untuk kami erat. Empat-empat orang anak jauh tapi duk rasa macam satu rumah je, kerana Facebook.*

Facebook juga merupakan alat untuk menghubungi rakan-rakan lama dan mengikut perkembangan rakan-rakan berkenaan:

Responden 4 (ii): *Lagi satu friend. Kalau nak tengok contoh adalah. Macam kata friend yang saya rasa dah lama tak jumpa sampai ke hari ni, satu lagi kawan yang saya rasa dah lima puluh tahun saya tak jumpa, tapi akhirnya kami jumpa dalam Facebook. Dia tegur saya dulu. Dia duk di Amerika sana. Dia pun kata, oi Piz ang ka tu? Pastu dia tengok profil saya tu, saya tulis kata duk*

di Amerika. Dia tanya saya ang duk kat mana ni, pasal ada snow di belakang. Saya kata aku duk di Malaysia, dia kata dia dekat New York. So dari situ mula lah berhubung dengan dia. Berhubung dengan dia last sekali saya tengok dia dah ada perubahan dalam kehidupan dia. Saya ingat dia dah bukan Islam ke apa. Sampai macam tu la.

iii. Komunikasi

Sementara itu pula, terdapat juga responden yang menyatakan bahawa penggunaan Facebook bertujuan untuk tujuan berkomunikasi dengan individu lain. Ini adalah menurut pandangan yang diberikan oleh responden pertama dan responden tiga sebagaimana petikan yang berikut:

Responden 1: *Bagi saya lah, Facebook ini adalah the part of life dalam kehidupan saya. Tujuan utama saya guna Facebook ialah sebagai alat untuk berhubung dengan anak-anaklah sebab anak-anak saya belajar di tempat lain bukannya di kawasan setempat dengan kita. Facebook ni saya anggap sebagai one way lah untuk berkomunikasi dengan anak-anak.*

Selain dari berhubung dengan ahli keluarga, Facebook juga tempat untuk menghubungi rakan sekerja terutama apabila melibatkan mesej-mesej yang tidak memerlukan tindakan segera:

Responden 3: *Dan juga dengan rakan-rakan sekerja. Kadang-kadang bila call dia tak angkat, ni bubuh kat Facebook dia reply, sat je. Nampak online je terus tanya, senang macam tu. Jimat banyak masa lah.*

iv. Mengurangkan tekanan

Dalam pada itu juga, penggunaan Facebook bertujuan untuk mengurangkan tekanan yang dialami oleh responden sebagaimana yang diperkatakan oleh responden lapan berdasarkan kepada petikan beliau iaitu:

Responden 8: *Saya kalau duk ingat-ingat Facebook ni saya mula guna punca dia masa duk buat PhD jadi takdak mood dah nak tulis. Lepas tu mula teringat kawan-kawan. Kemudian ada orang kata Facebook ni one of the best medium to get in touch balik dengan kawan-kawan. Jadi tu saya rasa dalam tahun 2008 lagu tu kot say mula Facebook, waktu tu adalah untuk release stress buat PhD. Menulis PhD. Tu dia punya starting point lah.*

v. Perkongsian aktiviti

Selain itu juga, media sosial Facebook turut dijadikan sebagai landasan untuk berkongsi aktiviti yang dilakukan oleh responden sebagaimana yang diperkatakan oleh responden. Petikan-petikan tersebut adalah seperti berikut:

Responden 1: *Kalau macam saya pergi seminar mana-mana saya boleh share melalui Facebook ni jugak. So kawan-kawan yang kerjaya macam saya boleh tahu dia ni pergi seminar ini, pergi seminar itu. Ha itu la yang saya boleh share.*

Facebook juga merupakan wahana untuk berkongsi dakwah:

Responden 2: *Errr, lepas tu, errr bila kita berdakwah ni dapat kenalan baru. Tapi kenalan baru ni bukan sebarang kenalan, dia dah ditapis sebab kita hanya akan berkawan dengan orang yang common ground je dengan kita. Ha bila dalam Facebook hanya, kata la kita errrr macam hadis, hadis, jadi secara tertapisnya orang yang tulis hadis tu je yang kita kenal . lepas tu bila kita pulak duk cerita hadis, hadis, hadis, orang yang suka hadis je akan mintak friend dengan kita. Jadi saya tak pernah risau lah orang pelik-pelik mai kat kita sebab dah tertapis dengan apa ni, content kita buat tu. Tu saya rasa macam, quite baguih lah.*

vi. Alternatif realiti hidup

Bagi responden pertama, penggunaan media sosial *Facebook* juga bertujuan sebagai salah satu daripada medium yang dijadikan sebagai alternatif realiti hidup berdasarkan kepada maklumat tentang isu-isu semasa yang diketahui dari penggunaan *Facebook*. Ini adalah berdasarkan petikan responden pertama iaitu seperti:

Responden 1: *Sebenarnya dari Facebook ni kita dapat tahu realiti sebenar kehidupan kita. Macam berita pasal buang bayi, kita tak tahu condition bayi tu sebenar macamana. Tapi dalam Facebook kita boleh tengok keadaan sebenar macamana. Tunjuk kaki sekerat tak ada, perut terburai, dekat berita tak tunjuk, dekat suratkhobar pun tak tunjuk. Samalah dengan demonstrasi, tapi kita kena tapis maklumat tu, kita sebagai pengguna yang bijak kita kena pandai menilai lah. Sebab tu facebook kena guna oleh orang yang tahu manfaat dia sahaja.*

vii. Tekanan keluarga

Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa, penggunaan *Facebook* adalah ekoran daripada tekanan keluarga yang mendesak supaya memiliki media sosial *Facebook* sendiri. Ini sebagaimana yang diperkatakan oleh responden tiga seperti petikan berikut:

Responden 3 (i): *Ok, mula-mula tu bukak Facebook tu, akaun tu disebabkan oleh pressure daripada ahli keluarga. So nak puaskan hati mereka, ok bukak lah Facebook. Itu common dial ah. Ok dah bukak dah. Ok what is that you want.*

viii. Ajakan rakan

Pemilikan media sosial *Facebook* juga dipengaruhi oleh ajakan rakan yang sudah memiliki media sosial *Facebook* sebagaimana yang diperkatakan oleh responden enam berdasarkan petikan berikut:

Responden 6: *Ok yang pertama guna Facebook sebab kawan-kawan yang suruh. Sebab senang nak contact bila ada Facebook. Macam Jo dah kahwin ni susah nak keluar untuk sosial sama-sama tu macam susah lah. Selalu bila set masa pun mesti akan ada sorang yang tak boleh mai ke. Jadi bila dah macam kat Facebook tu kita boleh share lah, letak je sesuatu yang kita rasa nak share boleh share, macam tu lah kan.*

ix. Mengenali personaliti

Selain daripada itu juga, penggunaan media sosial *Facebook* dijadikan sebagai medium untuk mengenali personaliti orang lain sama ada dalam kalangan rakan-rakan media sosial mahu pun saudara mara mereka sendiri. Ini adalah berdasarkan kepada petikan temubual:

Responden 2: *Jadi Facebook tu saya tak ada stranger, facebook tu adalah orang dalam dunia luaq saya tu adalah sekitar saya. Cuma bila saya Facebook ni bezanya bila, sebenarnya Facebook ni jimat masa daripada rugi masa. Contohnya anak saudara, saya sebelum ni tak kenal pun saudara saya, balik raya je baru tengok. Tapi setelah masuk Facebook, depa pun masuk Facebook saya dah tau personality anak saudara saya. Yang ni kuat dakwah, yang ni kuat mengadu, yang ni jenaka dan lawak, jadi yang tu yang saya appreciate lah. Maknanya saya masuk tu untuk mengenali orang-orang yang saya sayangi disitu.*

x. Akademik

Bukan sahaja bagi tujuan sosial media sosial *Facebook* digunakan, namun *Facebook* juga turut digunakan bagi tujuan akademik. Antara petikan yang dinyatakan oleh responden berkaitan dengan penggunaan *Facebook* untuk tujuan akademik adalah seperti berikut:

Responden 1 (i): *Selain tu, saya gunakan Facebook ni jugak untuk berhubungan dengan pelajar-pelajar Postgrad saya. Contoh nampak sakan je dia chatting, saya akan tegur melawak dengan dia, tesis macamana. Siap dah ke. (Penyelidik dan responden ketawa). Tesis macamana yer, saya tengah tunggu untuk baca yang lain pulak ni. So dari situ saya boleh tegur secara tak langsung lah.*

xi. Akrab hubungan

Di samping itu, responden turut menyatakan bahawa media sosial *Facebook*

digunakan sebagai landasan untuk mengakrabkan lagi hubungan sama ada dalam kalangan rakan mahu pun ahli keluarga mereka sendiri seperti petikan berikut:

Responden 1 (i) : *Yang keduanya ialah pada saya ianya merapatkan hubungan saya dengan anak-anak atau pun anak-anak dengan saya. Tiap-tiap hari kita boleh tanya macam makan apa hari ini. Then diaorang jawab ooo, tak makan lagi hari ni, tak sempat.*

Responden 1 (ii): *Macam saya bagitahu, hari ni ada kucing baru lah datang rumah, cantik. Tak pun bagitahu tok ma tak sihat ke. Selalunya macam tu. So anak-anak akan selalu dapat tahu perkembangan kita sekeluarga. Macam saya balik kampung pun mak saya tanya khabar anak-anak saya, saya boleh bagitahu keadaan diaorang. Mak saya pun kata rasa macam dekat lah bila ada macam-macam sekarang ni.*

Facebook juga merupakan wahana untuk berhubung dengan pelajar-pelajar:

Responden 2 (ii): *Lepas tu anak murid yang lama. Anak murid yang lama ni mana nak dapat dah lau pi carik, takdak masa kita. Tapi melalui Facebook ni, dia ada kita tengok jugak. Anak dia dah tiga, yang ni suka main golf, yang ni hisap rokok lagi, yang ni perut buncit. Dia jadi walaupun banyak masa kita spent masa dalam untuk Facebook tu, tapi kalau kita bahagikan masa tu per person, maknanya jimat.*

Facebook juga merupakan mekanisme untuk saling mengenali antara satu sama lain dengan lebih mendalam:

Responden 2 (iii): *Jadi, erm mmm, tu lah. Saya rasa dia adalah cara yang kos efisien dari segi social networking. Erm, dari segi anak murid yang lama, anak murid baru, errrr, adik beradik, terutama adik beradik jauh ni, anak-anak sedara, cucu-cucu sedara, abang kita takpa, tak jumpa tiga empat tahun pun kita memang rapat dah. Tapi anak dia kita tak kenal. So melalui Facebook kita kenal.*

Facebook juga turut merupakan mekanisme pembentukkan kumpulan untuk mengeratkan hubungan:

Responden 3 (ii): *Jumpa sorang, sorang, sorang. Erm mmm mengimbau kenangan lama. Lepas tu mai pulak kawan-kawan hak dekat stage dulu-dulu ni, hak belajar masa degree, masa master, kumpul lepas tu buat group kita. Group SS80, Group USCC, Group Matriks takdak.*

xii. Tidak mahu ketinggalan

Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa penggunaan media sosial

Facebook bertujuan untuk mengelakkan diri daripada ketinggalan dari segi perkembangan teknologi semasa. Ini adalah mengikut pengakuan daripada responden lima berdasarkan petikan berikut:

Responden 5: *Satu tujuan tu kita tak mahu ketinggalan dari segi ICT lah, perkembangan ICT sebab ramai orang menggunakan media Facebook.*

xiii. Dakwah

Dari segi aspek keagamaan pula, terdapat juga responden yang menyatakan bahawa penggunaan *Facebook* bagi tujuan berdakwah sebagaimana yang dikatakan oleh responden responden dua dan responden lima.

Responden 2: *Erm, instead tujuan tu yang termaktub tu nak dakwah lah.*

Responden 5: *Tapi bagi saya, saya hanya guna Facebook jelah. Ada satu akaun je. Eh, satu lagi saya ada blog. So dua media sosial yang saya ada. Di blog tu kita lebih banyak guna secara personal lah hak tu untuk kita letakkan laman tazkirah atau sebagainya. Macam Facebook ni, kita lebih banyak untuk gunakan informasi atau pun perkembangan terkini tentang keadaan semasa sebab buat masa la ni ia merupakan laman sosial yang terfamous lah. Ha itu la tujuan dia.*

xiv. Sokongan sosial

Selain daripada itu juga, hasil analisis turut mendapati bahawa penggunaan media sosial *Facebook* bertujuan sebagai sokongan sosial dalam pelbagai aspek. Ini adalah berdasarkan kepada petikan temubual responden-responden yang menyatakannya:

Responden 2: *Tapi rasanya insentif motivasi tu dia lebih kepada sokongan sosial kot, sebab bila kita dalam tu, kita dapat ni lah, orang pi rumah orang sembang, mengadu, apa semua tu, errr dari siapa.*

Responden 3: *Dia bergantung kepada subjek metod. Update kerap jugak lah. Itu yang personal punya, bubuh gambar, kadang-kadang tu masak-masak ambik gambar bubuh kat situ, untuk, kadang-kadang nak tunjuk kat anak-anak. Tunjuk kat sepupu-sepupu, kawan-kawan yang hak memang ada agenda tertentu dia.*

Responden 4 (i): *Tujuan dia of course lah untuk tujuan sosial. Tapi yang paling penting bagi saya lah, saya dapat eratkan relationship dengan kawan lama. Kawan lama dengan saudara. Bila tengok Facebook saya kan, banyak keluarga tau dak. Kami erat pun kerana Facebook lah. Kadang-kadang kita takkan jumpa tapi*

dekat Facebook boleh cerita sampai habis.

xv. Mengimbuai kenangan

Tujuan lain yang dinyatakan oleh responden bagi penggunaan media sosial *Facebook* ialah responden dapat mengimbuai kembali kenangan sama ada di waktu sekolah mahupun ketika waktu remaja dahulu sebagaimana yang diperkatakan oleh responden empat berdasarkan petikan berikut:

Responden 4 (i): *Lepas tu pass around dia pulak dekat kawan-kawan lain. Masing-masing pun duk tanya, jadi pe dah kat kawan kita ni. Anak bini semua orang putih ni. Kita semua kenal dari school lgi. Classmate dari primary school sampai sekolah menengah. Dia anak orang senang. Pak dia menteri besaq, mak dia pun sampai ke la ni duk ada lagi. Saya pun duk tanya dia pasal mak dia, so dari situ saya tau kata mak dia duk ada lagi. So benda-benda macam tu very touching tau, bagi saya.*

Responden 4 (ii): *It makes us macam muda balik. Kalau macam kat kenduri, tengok dalam Facebook saya, kami ada gambaq, 30 orang duk sekali ambik gambaq. Because start from Facebook. Kalau dulu surat-surat kan kita duk main. Sekarang ni lot of changes lah sekrang ni. We feel very happy lah.*

xvi. Pentadbiran

Di samping itu, penggunaan media sosial *Facebook* juga turut mempengaruhi bidang pentadbiran. Didapati bahawa penggunaan *Facebook* telah memudahkan responden menjalankan kerja-kerja pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan oleh responden tiga.

xvii. Kerahsiaan

Tujuan yang terakhir ialah penggunaan media sosial *Facebook* bertujuan untuk mengurangkan pendedahan kerahsiaan individu sebagaimana yang dinyatakan oleh responden tujuh dan responden lapan. Antara petikan responden-responden seperti berikut:


Responden 7: *Tak pernah gunaka n lagi untuk tujuan tu. So far saya tak guna kan lah. Sebab bagi saya Facebook ni something yang errrrr privacy lah. Saya dulu, saya add student, Nan pun saya pernah add, lepas tu saya delete. Semua saya buang, sebab bagi saya, saya taknak diaorang tahu saya punya socialize, kan? Macam dulu kan lain. Bila kita dengan kawan-kawan ni kita ni Open kan. Lepas tu fikir; kalau student tengok ni, tu diaa lah. Orang komen saya pasal yang lama-lama kan. Jadi tak seronok. So mana student yang add saya, saya akan buang lah. Saya takkan add diaorang dalam Facebook. So saya cuba create as a professional. So diaorang takkan tahu saya punya personal life. And then just a*

lecture lah. Habis je memang tak ni lah dengan student.

Responden 8: *But in a way, macam Facebook saya errr saya kalau tengok macam orang lain ,dia suka macam ada anonymous tapi akhirnya orang boleh tau kata sapa dia tu dan sebagainya. So macam saya punya Facebook saya memang declare who I am cumanya saya tak declare saya kerja kat mana. Sebab bagi saya errrr itu berkaitan dengan privacy dan ada jugak ada kaitan dengan etika saya sebagai seorang penjawat awam lah. Sebab tu saya saya tak declare walaupun saya tau orang tahu indirectly tetapi the most important thing is I'm not declare. So that anything that I'm say it can't be associated directly saya dengan organisasi saya. Sebab kalau saya tengok apa ni Facebook, sebab apa saya kata dia betul-betul mengganggu privacy sebab bila saya masuk Facebook Jabatan Kerajaan, orang yang tak puas hati, orang marah dan sebagainya semua masuk dalam Facebook sehinggakan saya tengok Jabatan Kerajaan pun dia tak boleh kawal orang nak cakap apa, dan ini akan beri apa ni menjejaskan imej organisasi tu, imej orang punya FB tu. Jadi kalau setakat ni kalau tanya saya, saya rasa apa, saya rasa seronok tapi pada masa yang sama saya jugak risau sebab unsur-unsur privacy tu. Ha tu lah.*

Kekerapan penggunaan Facebook

Dalam aspek kekerapan penggunaan Facebook, Rajah 2 menunjukkan terdapat enam dimensi bagi mengukur kekerapan menggunakan Facebook iaitu waktu pagi, pengguna tegar (24 jam), waktu malam, waktu kerja, waktu rehat dan waktu cuti.



Rajah 2 Kekerapan penggunaan Facebook

i. Waktu pagi

Menurut responden lima dan responden tujuh mengakui bahawa mereka menggunakan media sosial Facebook pada waktu pagi. Ini dibuktikan melalui petikan berikut:

Responden 5: *Dalam sehari tu kita browse tu dari pagi, contoh ke malam tu tak ada banyak sangat lah. Dalam antara dua jam lebih macam tu lah.*

Responden 7: *Facebook ni, pagi lah lepas saya check email tu mungkin dalam within office hour dalam 3 kali la saya bukak Facebook.*

ii. Heavy user (pengguna tegar)

Terdapat juga beberapa responden yang mengkategorikan diri mereka sebagai *heavy user* (pengguna tegar) di mana mereka mengakui bahawa mereka melayari *Facebook* pada setiap masa. Ini adalah berdasarkan kepada petikan-petikan berikut:

Responden 2 (i): *OOoohhhh, kerap. Memang kerap. Kira memang heavy user. Memang orang yang bangun pagi pun guna, sampai office pun guna, nak balik pun guna sekejap. Memang kita communicate impact. Errr bila orang mintak no handphone saya, saya bagi lepas tu cakap, phone saya selalu tak jawab sebab kena off, kena off waktu kelas, kena off waktu ni, kena off waktu ceramah. Lepas tu kalau ada missed call saya takkan balas missed call. Lepas tu bila mesej pun, saya nak tip..tip mesej tu berat. Err tapi mesej saya dekat FB. Jadi itu saya guna heavy lah.*

Responden 3: *Dia, dia, tak boleh nak kata berapa jam sebab kita tak duduk depan tu (sambil mengubah kedudukan mengadap komputer), ha bila ada, bila nampak ada update kat situ, kalau update tu memang ada hal dengan kita la tu. Sama ada dia dipanggil nama kita, apa dia orang panggil, hak orang tag nama kita ka, mesej kita ka, atau pun dia bubuh kat wall kita. Ha hak tu lah. Tengok sat je, ha ok, kalau related jawab sat. kalau tak related, tolak tepi lah. So dia tak mengganggu lah rutin kita tu.*

iii. Waktu malam

Selain itu juga, responden turut mengkategorikan penggunaan *Facebook* banyak digunakan pada waktu malam di mana responden menyatakan bahawa waktu malam lebih sesuai untuk melayari *Facebook* sebagaimana petikan:

Responden 1: *Kalau malam tu, saya akan chat dengan anak-anak lah. Anak-anak pun akan spent masa untuk chat dengan saya lah. Dalam 20 minit seorang, 30 minit seorang. Kalau kumpul-kumpul dalam sejam jugak lah waktu malam.*

Responden 4 (ii): *Ye, tiap malam bila semua dah tidur, orang perempuan saya dah tidoq, jadi tinggal saya sorang. Ok jadi saya ada program lah nak tengok malam-malam. Kadang-kadang*

tengok bola. Di samping itu, ni komputer, ni TV. Sat-sat tengok TV, sat-sat tengok Facebook.

iv. Waktu kerja

Pada masa yang sama juga, kekerapan penggunaan *Facebook* oleh responden banyak digunakan pada waktu kerja sebagaimana yang dinyatakan oleh responden tujuh.

Responden 7: *Kejap-kejap saya bukak. Saya bukak tak lama Prof dalam sat je, bukak time waktu office je.*

v. Waktu rehat

Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa waktu rehat semasa hari bekerja dan waktu rehat semasa di rumah digunakan sepenuhnya untuk melayari media sosial *Facebook*. Ini diakui oleh responden berdasarkan petikan berikut:

Responden 5: *Macam saya ada kekangan waktu untuk tengok yang tu kan, memang takda masa sangat lah. Macam kat office pun, kat sini limited. Hanya lunch time je, atau pun selepas waktu pejabat kita boleh bukak Facebook tu. Banyaknya duk tengok di rumah lah.*


vi. Waktu cuti

Waktu cuti juga digunakan oleh responden sebagai waktu yang paling sesuai dan kerap digunakan untuk melayari *Facebook*. Ini berdasarkan kepada petikan responden pertama seperti berikut:

Responden 1(i): *Kalau waktu kerja tu, waktu office ke, saya hanya spent masa setengah jam sahaja untuk tengok apa anak aku buat hari ni. Dia ada kelas ke, ada presentation ke, ada exam ke. Kadang-kadang saya sempat komen kata good luck, semoga jawab dengan tenang, macam tu lah.*

Paparan mesej di Facebook

Berdasarkan kepada kajian ini juga, responden turut ditanya tentang paparan mesej yang dimuat turun dalam media sosial *Facebook* milik responden. Hasil analisis menunjukkan terdapat 15 kategori paparan mesej yang dikenalpasti iaitu meliputi mesej berkaitan pengetahuan umum, keagamaan, ucapan, maklumat aktiviti kerja, peribadi, luahan perasaan, urusan keluarga, pujukan, isu semasa, pujian, maklumat yang menarik, kumpulan khusus, mesej sosial, bahan akademik dan juga gambar-gambar. Hasil analisis seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3 Paparan mesej di Facebook

i. Mesej pengetahuan umum

Dalam konteks paparan mesej yang dimuat turun oleh responden di *Facebook*, hasil analisis menunjukkan responden menyatakan bahawa mereka gemar memaparkan mesej berkaitan dengan pengetahuan umum untuk dikongsi dengan pengguna yang lain. Ini dinyatakan oleh responden berdasarkan kepada petikan berikut:

Responden 1 (ii): *Atau nak share pandangan atau experience macamana nak handle kucing macamana, contohnya baru ni macam ada orang di Alor Star tu tanya dekat mana Pet Center yang paling bagus di Jitra atau Alor Star? Saya cakap at dia dekat Dr Ravi di Pumpang. So saya rasa dia pergi . Atau pun ada yang jumpa anak kucing, tapi tak tahu nak handle macamana, sebab kena bagi susu. Puting susu kucing tu harga 13 ringgit satu. Jadi saya bagitahu dia, caranya ialah sebab saya pernah buat, sekejapnya kenyang. Ambik straw masukkan susu lepaskan susu dalam mulut kucing tu, dan kucing tu terpaksa telan. Sat je kenyang. Jadi telah interested nya ada group. Saya jugak ada cerita macamana nak uruskan kucing yang sakit mata, saya bagitau letakkan sikit air garam then sapukan dekat mata. Saya kata dalam sehari Insyallah, sebab kita biasa.*

ii. Keagamaan

Selain daripada itu juga, responden turut mengakui bahawa paparan mesej yang dikemukakan di Facebook berkaitan juga dengan mesej keagamaan yang dapat dikongsi dengan orang lain. Ini berdasarkan kepada petikan responden dua seperti berikut:

Responden 2: *Erm, basically ada dua jenis. Yang satu tu, jenis hadis dan nasihat. Sebab saya ada page perancangan dunia dan*

akhirat. So saya akan bagi tips pada diaorang macamana untuk dekatkan diri dengan Allah. Lepas tu, saya ada lagi satu page pasal di mana saya akan bagi skill dekat orang macamana nak faham al-Quran. So dua tu adalah services oriented lah. Dakwah.

iii. Mesej ucapan

Turut dinyatakan oleh responden berkaitan dengan mesej yang dipaparkan di Facebook mereka berkaitan dengan kepelbagaian ucapan untuk rakan-rakan media sosial Facebook. Ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh responden empat berdasarkan petikan berikut:

Responden 4: *Oohhhh, kalau saya, saya tanya khabar je. Saya tak pergi jauh dari tu lah. Kalau macam nan masuk pun, saya akan tanya nana pa habaq. Kalau macam linda punya birthday hari tu kan, saya terlupa. Lepas tu saya say sorry kat linda pasal lupa. Ha macam tu lah. Macam tu je, wish, great, tanya khabar.*

iv. Maklumat aktiviti kerja

Media sosial *Facebook* juga digunakan untuk memaparkan mesej berkaitan dengan maklumat aktiviti kerja responden untuk dikongsi dengan rakan-rakan sejawat yang lain. Ini berdasarkan kepada responden:

Responden 5: *Lepas tu kita punya aktiviti pejabat, apa yang kita buat, macam kita buat kursus ke, kita buat latihan staf ke, ataupun jabatan kita pi buat apa-apa ke, tu lah. Banyaknya aktiviti-aktiviti kerja.*

v. Peribadi

Maklumat perubadi juga merupakan antara mesej yang dirasakan tidak perlu dimasukkan ke dalam Facebook:

Responden 1: *Maklumat yang berbentuk peribadi ni, macam lipat kain bertimbun ke, masak ikan singgang ke makan nasik lauk budu dengan petai ke, saya rasa itu tak perlu kot. Atau pun perkara yang saya boleh share dengan orang lain.*

Responden 3: *Ermmm, selebihnya pasa diri sendiri je. Gambar-gambar holiday, kadang-kadang gambar pergi seminar tu, buh lah dalam satu dua, just to let family members know, benda-benda politik, kutuk-kutuk orang takdak, luahan frust takdak, perasaan ka, normally takdak. Kutuk-kutuk orang semua takdak lah. Cuma benda hak tu je yang selalu mark.*

vi. Luahan perasaan

Namun begitu, *Facebook* juga merupakan tempat untuk meluahkan rasa tidak puas hati seperti mana yang diakui oleh responden berikut:

Responden 8 (ii): *All else saya akan mula cari apa ni errrr bahan sama ada audio, video dan jugak teks yang boleh represent saya punya keadaan, apa orang kata feeling pada waktu itu. So by doing bagi saya terjemahkan apa orang kata errrrrr negative part of my feeling dengan satu benda yang orang boleh manfaat. Instead of duk kutuk orang tu macam ni, kutuk organisasi macam ni baik saya post hadis ke quotation ke. Baru-baru ni saya marah sangat dengan orang politik saya post satu kata-kata bekas presiden American tentang what is democracy tu. So I think by doing errrr saya jugak mendidik diri saya to communicate in a good sense walaupun dalam keadaan kita nak cakap benda yang negative. At the same time saya tengok benda ni penting sebab errrrrrr ramai yang apa ni yang menggunakan Facebook tak kira peringkat umur, tak kira siapa diaorang. Jadi kalau lah diaorang ni tahu Facebook dilihat sebagai medan untuk hentam orang dan sebagainya akhirnya akan wujudkan satu budaya yang tak berapa sihat. Jadi as a person that I considered myself as scholar dalam communication ni, we have to showed example yang, errrr example dia kita expressed kita punya feeling dengan cara-cara macam tu lah. Ini yang apa ni errrrr yang errrr saya buat lah. Errrr mungkin esok ni kalau saya dah ada Facebook dengan student mungkin that might be more very academic punya posting pulak lah. Ha itu senario dia.*

vii. Urusan keluarga

Mesej-mesej berkaitan dengan urusan keluarga turut dimuatturun dalam laman Facebook tetapi bukan mesej dalam bentuk yang melibatkan kerahsiaan:

Responden 1: *Untuk Facebook, untuk mesej-mesej dalam Facebook, kalau perkara yang melibatkan pasal urusan keluarga, saya akan one to one dengan anak saya. Macam kata umi dah masuk duit. Saya guna one to one. Saya tak letak dalam Facebook, saya tak dedahkan kepada publik, kerana saya beranggapan kita tak mahu semua mesej orang akan tahu. Takut nanti orang akan attack anak kita, contohnya. Atapun balik kampung, kita akan tinggal rumah kita kosong, kita tak mahu public tahu sebab kita tak tahu semua orang yang tinggal kat situ berniat baik, mungkin ada sebaliknya*

viii. Pujukan

Responden juga mengakui bahawa Facebook adalah merupakan tempat untuk meluahkan kasih sayang supaya diketahui oleh anak-anak:

Responden 8: *Tapi dengan anak-anak saya that is also sometimes tu bila kita dah marah depa, kita akan ingat issshhhh rasa macam tak berapa nak proper kita bagi kredit pulak kat depa, kita masuk*

dalam Facebook kita telling that this is my son, dia buat apa, apa, apa..so bila depa tengok indirectly you know sebab bagi saya that's is one way mungkin jugak apa kita katakan apa itu satu cara how we build up apa ni errrr communication lah. Errrr itu kalau, kalau di ketika anak thinking about the family.

ix. Isu semasa

Responden menggunakan Facebook untuk berbincang tentang isu semasa, aktiviti di pejabat, aktiviti sosial dan sebagainya.

Responden 1: *Saya pun merupakan salah seorang yang peka terhadap persekitaran, contohnya bola di antara Kelantan dengan Selangor. Kita boleh tengok betapa meriahnya masyarakat kita. Walaupun saya tak joined di stadium, tapi saya joined di Facebook untuk melihat kemeriahan itu sendiri.*

Responden 5: *Apa lagi yer....macam keluarga nya rekreasi ke, lepas tu kita punya aktiviti pejabat, apa yang kita buat, macam kita buat kursus ke, kita buat latihan staf ke, ataupun jabatan kita pi buat apa-apa ke, tu lah. Banyaknya aktiviti-aktiviti kerja lah.*

x. Pujian

Terdapat juga responden yang berpandangan bahawa penggunaan Facebook adalah merupakan mekanisme baru dalam komunikasi keluarga:

Responden 8: *Errrrr ok, dia bergantung kepada keadaan psikologikal kita, pada waktu tu. Ha, waktu errrr saya rasa macam errrrmmm I need to give the credit to my family saya akan post something about family saya. Because I think that with that saya jugak dapat make sure that they learn how to have errrrrr family communication.*

xi. Maklumat menarik

Peristiwa-peristiwa menarik yang dirasakan dapat dijadikan teladan serta kata-kata motivasi juga dikongsikan dalam Facebook:

Responden 6: *Ok kalau dalam Facebook ni Jo suka share benda yang menarik lah kan. Contohnya macam hari tu Jo pergi kedai lepas tu ada sorang makcik tu mention la kata pasal beli susu dengan pampers kan. Macam dia kata apa ni, dia kata kat kawan dia tau, macam ha, hang kahwin jangan duk beranak ramai-ramai kan nanti susah macam aku. Lepas tu saya rasa macam kita tak patut lah kata macam tu. Lepas tu saya share lah dekat Facebook untuk mintak pendapat orang macamana sebab bagi Jo rasa macam tak patut kot kata macam tu sebab kita yang kahwin lepas tu dapat anak nak complain kat publik untuk nasihat orang yang*

tak kahwin lagi untuk tak dapat anak ramai-ramai kan.

Responden 7: *Kadang-kadang bila saya tengok some quotation daripada scholar kan yang very interesting kan, errrr contoh saya buat satu kajian ni, penulis ni dia cerita pasal budaya kan. So dia bincangkan pasal masa, dia described masa ni tak bergerak tapi manusia yang bergerak. So saya ambik quato tu lepas tu saya post lah. Buh dekat Facebook tu ramai kawan-kawan yang bagi feedback.*

xii. Kumpulan khusus

Responden juga menjadi ahli kumpulan yang berkaitan dengan keluarga dan kumpulan yang berkongsi minat yang sama:

Responden 1: *Kalau macam berbentuk peribadi saya macam ada, orang panggil apa, group ke apa. Saya ada 2 group. Eh tiga Group. Satu untuk family, satu adik beradik macam kalau nak balik kampung boleh contact untuk tanya nak beli apa untuk mak ke, so antara adik beradik saya je yang akan tahu pasal ni kalau melibatkan benda yang kita nak buat di kampung, ataupun kita nak balik ke, group kita je yang tahu. Dan saya ada satu lagi board of group, group kami sayangkan kucing.*

xiii. Mesej sosial

Mesej-mesej sosial yang bertujuan untuk meningkatkan hubungan juga dikongsikan:

Responden 2: *Yang kedua adalah mesej sosial, bukan mesej lah maknanya bersebang. Cerita anak kita menyanyi, cerita tak larat kemas rumah, yang tu patut dikurangkan lah tapi yang tu yang seronok. Sebab yang respons tu orang yang rapat dengan kita. Dalam Facebook ni memang lah satu dunia, tapi kita satu dunia tak bercakap dengan dunia. Kita bercakap dengan adik beradik kita, anak sedara kita.*

Responden 7: *Kadang-kadang bila saya tengok some quotation daripada scholar kan yang very interesting kan, errrr contoh saya buat satu kajian ni, penulis ni dia cerita pasal budaya kan. So dia bincangkan pasal masa, dia described masa ni tak bergerak tapi manusia yang bergerak. So saya ambik quato tu lepas tu saya post lah. Buh dekat Facebook tu ramai kawan-kawan yang bagi feedback.*

xiv. Bahan akademik

Responden juga berkongsi bahan-bahan akademik dalam Facebook seperti:

Responden 2: *Dulu saya ada blog tau, minat nak cerita tentang PhD tetapi saya dapati bahawa tenaga yang dibuat untuk itu tak padan dengan nilai saya kepada PhD. Saya rasa ooo rugi masa aku, buat benda ni, biaq pi la orang lain buat. Yang tu benda-benda akademik, minat nak buat tapi saya rasa akan baguih, kita letak macam keratan paper ke, akan lebih sampai lagi daripada kita masuk jurnal. Tapi saya tak buat sebab priority keutamaan saya tu rendah. Kita pun minat tak tara mana, jadi nak buat tu susah jadi saya concentrate on dakwah.*

Responden 3: *Ermmm, selalunya information yang penting kepada student. Kadang-kadang melalui email kan, errr ada peluang pekerjaan, arahan untuk bla..bla..bla..kan. Ada kursus ni, kursus tu. Saya akan cut and paste kat situ, di tempat-tempat yang sesuai lah.*


xv. Gambar

Responden berkongsi gambar-gambar:

Responden 7: *Errrrr, saya banyak upload gambar-gambar saya lah. Gambar-gambar lama, gambar kadang-kadang saya pi trip mana-mana kan, saya ambik gambar tu.*

Perasaan Apabila Menggunakan Facebook

Responden turut ditanya apakah perasaan mereka apabila menggunakan Facebook. Hasil analisis telah mengenalpasti empat belas tema iaitu kemeriahan bermasyarakat, pemotivasi, leka, gangguan rumah tangga, escapism, meningkatkan interaksi, informasi, risau, pergantungan, seronok, aktiviti kerja terganggu, tekanan, hilang kesunyian, sakit hati dan hilangkan kesunyian.



Rajah 4 Perasaan apabila menggunakan Facebook

i. Kemeriahan bermasyarakat

Kemeriahan bermasyarakat dalam konteks ini bererti bahawa *Facebook* berupaya untuk menyatukan berbagai generasi:

Responden 1: *Melalui Facebook ni juga, kita boleh lihat jugak betapa meriahnya masyarakat kita ni, dan kita juga memahami bahawasanya kita ni setiap hampir keseluruhan masyarakat, generasi kedua dan generasi ketiga ini aware dengan perkembangan teknologi maklumat ni di Negara kita melalui Facebooklah. So diaorang boleh berinteraksi. itu dari segi saya lah, dan saya sendiri pun merasakan saya sebahagian daripada mereka itu.*

ii. Pemotivasi

Responden turut merasa seronok apabila didedahkan kepada mesej-mesej yang positif:

Responden 4: *Seronok tu seronok lah. Tapi depends lah kat kita punya isu macamana. Kalau isu negatif jadi tak seronok lah. Agama jugak yang menariknya dalam Facebook ni. Yang macam hak latest ni saya ada tunjuk anak saya pi umrah kan, lepas tu orang respons kata, ha yang ni lah yang betul, yang kita nak. Macam semalam tu, anak saya AG tu masuk AJL main gitar, tiba-tiba saya masukkan gambar dia duk kat Kaabah. Ha, benda macam tu lah kita mau. Ada changes. Ada dengan students. Tengok diaorang komen pa. komen tu yang bagi spirit. Macam contoh, semalam yang enam orang tu, saya rasa seronok sangat, rasa macam nak berenti kerja pun tak jadi nak berenti. Sebab spirit daripada student.*

iii. Leka

Terdapat juga responden yang menyatakan antara kesan negatif penggunaan *Facebook* ialah menyebabkan mereka menjadi leka:

Responden 5: *Oooo, ni dari segi negatiflah kita tengok. Ada jugak, ada jugak. Kadang-kadang depa ni bila terlampau menggunakan Facebook ni depa abaikan pelajaran, satu lagi depa terlalu ghalit dengan kerja rumah yang patut depa buat, basuh kain ke, depa tak tumpu lah, jadi kita lah pulak yang nak kena buat kerja.*

iv. Gangguan rumahtangga

Adakalanya *Facebook* juga boleh menyebabkan gangguan pada rumahtangga:

Responden 4: *Payah lah orang perempuan, satgi dia tengok ni ada gambar orang perempuan, sana ada gambar orang perempuan, macam-macam gambaq duk ada kat situ. Selalunya duk banyaq pictures kat wall saya. Tu yang dia rasa, tu menyusahkan dia kot. Tu saya, bila dia ada payah lah sikit. So biaq dia lena senang.*

Facebook ni lebih baik personal lah. Kadang-kadang je saya tunjuk kat dia, ajak dia mai la tengok cucu-cucu kita ni pi sekolah ni. Tu pun tengok mood dia macamana lah. Satgi tekan-tekan keluaq la gambaq student kita yang perempuan. Ha lepas tu mula lah dia syak bukan-bukan sorang dia.

v. Escapism

Facebook juga dapat dijadikan mekanisme untuk melepaskan perasaan:

Responden 7: *Perasaan ye? Saya guna ni sebagai escapism saya lah. Escapism daripada office, kadang-kadang kita boring duduk sorang-sorang, jadi kita bukak lah Facebook jap. Tengok diaorang komen, gelak-gelak, releasa jugak tension kadang-kadang. Kadang-kadang saya komen, setakat tu jelah prof, escapism la saya tengok.*

vi. Meningkatkan interaksi

Facebook dapat meningkatkan interaksi dengan berbagai pihak:

Responden 2: *Pada saya facebook tu saya cakap pasal yang bagus, kalau saya letak hadis lepas tu orang boleh baca. Tapi yang kita spent time scrolling tu (sambil memegang handphone) pasal yang orang cerita anak dia macam ni, lepas tu kita pun menyibuk pulak nak komen, ha yang tu saya tak suka. Saya kalau boleh, saya ada dalam situasi macam tu, saya nak cut down socializing pasal yang bad. Sebab walaupun silaturrahim ni kita tak payah lah duk mengusik, masalah saya, saya berjiwa sosial. Memang sangat suka berkawan, bergaul. Jadi dulu dihadkan pergaulan tu dengan kesibukan kerja dekat pejabat errr dan sebagainya. Jadi bila ada shortcut patutnya bagusla kan? Jimat masa, tapi dia aakan jadi over. So, on one hand, all this positive talk its about produktiviti kerja or dakwah, silaturrahim on the other hand is banister. Because is so easy untuk scroll tengok definitely dia ganggu penulisan. Dia tak ganggu pengajaran, sebab pengajaran ada dateline, dia tak gangu sangat dengan anak-anak sebab anak-anak husband duk jerkah pastu pakat bangkitlah. Tapi dia ganggu penulisan, it is the same because dia duk tempat yang sama dalam laptop kita. Jadi bila kita nak menulis, masa yang sama kita pun klik Facebook, habis lah waktu.*

vii. Informasi

Maklumat dalam Facebook juga membolehkan responden mengetahui tentang perkembangan terkini:

Responden 1: *Dan kita juga rasa informative, bahan-bahan yang kita dapat, bahan-bahan yang kawan kita hantar kat kita tu dan*

termasuk lah pasal kerajaan do's and donts kerajaan kita sendiri walaupun saya sendiri kakitangan kerajaan tak semestinya kita menyokong apa tindakan mereka semua nya betul. Ada benda yang kita tak sokong. So wrong and rights is there. Berbanding dengan Blog. Saya tak percaya dengan Blog. Blog saya tak percaya. Cakap lah apa sahaja pun saya tak percaya. Sebab Blog ni bagi saya tempat untuk mengata orang, tapi Facebook ni kita nilai. Ada pelbagai respon. Ada orang kata ini, ada orang kata itu. So dari situ kita boleh nilai.

Responden 5: *Satu kita dapat informasi yang bagus jugak lah tentang perkembangan terkini berkaitan isu semasa. Kadang-kadang kita informasi tentang kertas kerja rutin harian kita, kita boleh mintak maklumat dari kawan-kawan sikit selain penggunaan telefon. Selain email dengan mesej kita boleh gunakan saluran Facebook ni untuk berhubung secara rasmi lah. Bukan rasmi sangat lah tapi kita stay dapat informasi yang kita perlu tu dengan lebih cepat lah sebab ramai orang menggunakan benda tu. Jadi depa pun boleh balas cepat, jadi informasi pun cepat lah.*

viii. Risau

Terdapat juga responden yang merasa risau kerana peristiwa-peristiwa lepas:

Responden 8: *Jadi satu saya rasa errrr seronok tu seronok tetapi saya risau dengan apa kita kata kan, privacy lah. Nasib baik lah girlfriend saya tak ramai, kalau tidak jenuh jugak la kan.*

ix. Pergantungan

Facebook mewujudkan pergantungan:

Responden 2: *Satu dia untuk advantages, that justify guna and on the other hands yes, u are feel that you are spending to much time on it, and you are quite dependent only.*

x. Seronok

Responden merasa seronok kerana mereka merasakan mereka merupakan antara orang yang tahu menggunakan facebook, melihat gambar-gambar lama, berhubung dengan kawan dan sebagainya.

Responden 1: *Mula-mula guna rasa seronok. Saya antara the million of the people on this world yang tahu guna Facebook.*

Responden 3: *Hak seronok tu seronok jugak lah. Kawan-kawan bubuh gambar kita hak lama-lama dulu ni kan, hak kita tak perasan pun kan, macam kat kolej MAS dulu kan, tiba-tiba dia bubuh gambar kita kat dalam tu, kita pun tak tau gambar tu ada, kita sendiri pun tak ingat dah kat mana event tu. Tu, so seronok lah.*

Responden 8: *Bila guna Facebook ni saya rasa satunya saya rasa tak tenteram la sebenarnya. Sebab errr facebook ni dia dah errr orang kata dia dah expose you punya privacy. But anyway eeerrr saya guna jugak Facebook saya sebab matlamat yang asal dulu macam saya kata lah nak keep in touch dengan kawan-kawan. Sebab kalau saya boleh ingat kawan-kawan yang dah tinggal 15 tahun sudah masa study, 20 tahun sudah masa sekolah menengah kemudian 25 tahun sudah masa saya sekolah rendah, dapat get in touch balik. Jadi kalau setakat ni kalau tanya saya, saya rasa apa, saya rasa seronok tapi pada masa yang sama saya jugak risau sebab unsur-unsur privacy tu. Ha tu lah.*

xi. Aktiviti kerja terganggu

Namun begitu, penggunaan *Facebook* juga mendatangkan kesan terhadap kerja atau tumpuan kerja:

Responden 2 (i): *So, on one hand, all this positive talk its about produktiviti kerja or dakwah, silaturrahim on the other hand is banister. Because is so easy untuk scroll tengok definitely dia ganggu penulisan. Dia tak ganggu pengajaran, sebab pengajaran ada dateline, dia tak gangu sangat dengan anak-anak sebab anak-anak husband duk jerkah pastu pakat bangkitlah. Tapi dia ganggu penulisan, it is the same because dia duk tempat yang sama dalam laptop kita. Jadi bila kita nak menulis, masa yang sama kita pun klik Facebook, habis lah waktu.*

Responden 2 (ii): *Jadi dua lah, yang satu dia telah ganggu tu, lepas tu satu lagi ganggu baca Quran. Baca Quran dalam phone, bila nak baca Quran mesti melencong ke Facebook. Ha yang tu jela. Yang saya rasa negative tu dual ah, yang satu penulisan dan bacaan Quran tu. Jadi maknanya kalau kita nak bagi benda ni betul kita kena ada, ada system menyekat. Maknanya you want to write between pukul 10 sampai pukul 12, you mesti kena ada benda yang you kena manually turn off, tak boleh dah nak turn on balik. Kena reka la, kalau sapa boleh reka system macam tu. Kita klik, klik, klik kita kata, pastu kita teringin nak tengok balik, taka pa tengok seminit. Lepas tu kita ghalit, ha jadi yang tu lah saya rasa somebody kena reka benda batin yang kita dah boot commitment, no Facebook dari pukul berapa sampai kul berapa, lepas tu, kita tak boleh patah balik dah. Memang commitment, pre commitment tu dalam sehari tu tak boleh cancel dah. Ha baru padan muka. Kalau ada macam tu membantu lah saya.*

xii. Tekanan

Membaca mesej-mesej tertentu juga boleh menyebabkan responden merasa

tertekan:

Responden 3: *Lepas tu hak sorang ni bubuh gambaq student kita, hak bubuh gambar, gambar dia. Lepas tu tulis, ha sapa nak beli mekap jadi cantik macam dia, lepas tu tulis bla..bla..bla.. Lepas tu rasa Ya Allah, stressful. Hak tu memang naik darah jugak lah.*

Responden 8: *Hari-hari biasa ni errrrr kalau lah bila rasa terganggu apa orang kata jiwa dan raga tu kadang-kadang kita nak masuk facebook sebab errrr macam saya kata lah dia mungkin ada kaitan dengan sharp concuss mind, masa saya buat PhD dulu errrr dengan menggunakan Facebook lah saya apa ni errrrr mengimbangi macam stress dan sebagainya. Jadi setakat ni saya tak lah orang kata addicted errrrr kalau tak guna Facebook satu hari tak boleh. Sebab saya punya errrr berbalik pada tujuan saya adalah just to get errrr get in touch with my clicks lah. Melainkan kalau saya telah menjadikan Facebook sebagai satu medium alternative untuk pengajaran.*

xiii. Sakit hati

Terdapat mesej yang menyebabkan responden merasa sakit hati:

Responden 1: *Contohnya, hari ni kan, apabila budak-budak tulis soal pasal event yesterday tu. Hak forum tu, yang keluar dekat TV tu kan. Because of that diaorang kutuk UUM macam ni, macam ni. And then ada yang kata, sedih jugak la bila ada yang kata pensyarah UUM ni majority nya tidak membenarkan mereka untuk berbincang di dalam kelas. Benda-benda tu macam kadang-kadang, ermmm.*

xiv. Menghilangkan kesunyian

Facebook juga dapat menghilangkan kesunyian:

Responden 4: *Perasaan?? Rasa biasa je. Rasa sunyi je guna Facebook. Takdak lah sampai gila nak guna Facebook ni. Kalau macam siang hari Jumaat saya memang satu hari tak main Facebook. Saya nak tunggu masa nak sembahyang Jumaat lagi. Buat kebun. Kadang-kadang baca paper, kemas rumah.*

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Komunikasi adalah penting dalam kehidupan berkeluarga. Namun begitu, terdapat pelbagai masalah yang berlaku dalam kalangan remaja dewasa ini. Jaringan sosial interaktif atas talian seperti *Facebook* dan *MySpace* telah menukar cara keluarga berkomunikasi. Kajian yang dijalankan di Universiti Indiana, Amerika Syarikat berkaitan dengan pandangan ibu bapa terhadap teknologi

mendapati bahawa kanak-kanak yang terasing dari ibu bapa akan menjadi lebih terasing kerana jaringan-jaringan yang wujud melalui komputer. Terdapat juga ibu bapa yang berpandangan bahawa Internet boleh membantu kanak-kanak yang mengalami masalah tekanan.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa turut menggunakan media sosial *Facebook* dengan berbagai tujuan. Seperti juga remaja, *Facebook* digunakan bagi tujuan mengimbuai kenangan, sokongan sosial, dakwah, tidak mahu ketinggalan dari segi teknologi, mengakrabkan hubungan, tujuan akademik, mengenali personaliti, ajakan rakan, alternatif realiti hidup, tekanan keluarga, perkongsian aktiviti, komunikasi, mengurangkan tekanan, sumber maklumat dan juga hiburan. Media sosial *Facebook* dapat membantu penggunaan, tanpa mengira faktor umur untuk menjadi hiburan alternative melalui berbagai ciri yang ditawarkan oleh media berkenaan.

Dapatan kajian ini dapat dikaitkan dengan Teori Pengaruh Sosial mengandaikan bahawa persepsi dan penggunaan media sebahagiannya bersifat konstruk sosial. Ciri-ciri media seperti *richness* adalah sesuatu yang subjektif kerana dipengaruhi oleh sikap, kenyataan dan tingkah laku orang lain di tempat kerja. Model Pengaruh Sosial mengandaikan bahawa walaupun ciri-ciri media mempengaruhi persepsi dan penggunaan media, ciri-ciri ini sebahagian dari formula persamaan yang menentukan persepsi dan penggunaan media. Tambahan pula, persepsi terhadap ciri-ciri mungkin berbeza antara individu lantaran dipengaruhi oleh sikap, pernyataan-pernyataan dan sikap orang lain di tempat kerja. Dengan itu, media dan tugas merupakan pemboleh ubah yang secara senyap mempengaruhi individu dan konstruk sosial. Bertentangan dengan *media richness* yang mengkaji *richness* sebagai satu ciri relatif yang berada pada media.

Andaian dikemukakan oleh Model Pengaruh Sosial ialah faktor-faktor kepakaran media. Andaiannya ialah kepakaran dalam menggunakan media mempengaruhi penggunaan teknologi komunikasi yang baru. Kurang kemahiran dalam menggunakan media menghalang penggunaan media berkenaan. Dengan itu, meskipun media berkenaan dianggap sebagai *rich* tetapi kurang kepakaran akan menghalang penggunaan media berkenaan. Dengan itu, Teori Pengaruh Sosial memperkenalkan konsep yang dikenali sebagai kemahiran media sebagai satu pemboleh ubah antededan yang mempengaruhi persepsi dan penggunaan media yang perlu dimiliki oleh ibu bapa bagi berbagai tujuan.

Hasil analisis juga mencerminkan beberapa kategori penggunaan laman sosial dalam kalangan ibu bapa iaitu untuk tujuan mengikuti perkembangan semasa, berhubung dengan ahli keluarga, megeratkan silaturahim, pekerjaan, akademik dan lain-lain. Rata-ratanya responden merasakan bahawa mereka merasa gembira menggunakan laman sosial berkenaan di samping memperoleh maklumat semasa. Dalam konteks perhubungan dengan anak-anak, terdapat sebahagian responden yang mengakui bahawa media sosial berpotensi menjadi pemantau aktiviti anak-anak.

Ibubapa juga mengatakan bahawa mereka boleh mengawal tingkahlaku anak-

anak melalui turut membuka akaun di *Facebook* bersama anak mereka supaya mereka boleh mengawasi dengan siapa anak mereka berinteraksi. Pengkaji-pengkaji mendapati walaupun IMing dan *Facebook* adalah menyeronokkan serta digemari oleh golongan mudah, interaksi berkaitan dengan perkara-perkara yang serius masih berlaku secara bersemuka dan elemen pemantauan juga boleh dilakukan.

Dari segi kadar penggunaan, hasil kajian ini menunjukkan terdapat juga ibu bapa yang menjadi pengguna tegar kepada media sosial. Ini kerana media sosial sebegini boleh diakses melalui penggunaan telefon bimbit. Mesej-mesej yang dimuat turut juga didapati tidak banyak berbeza dengan golongan penggunaan yang lain. Hasil analisis menunjukkan mesej-mesej yang dimuat turun meliputi pengetahuan umum, keagamaan, ucapan, maklumat aktiviti kerja, peribadi, luahan perasaan, urusan keluarga, pujukan, isu semasa, pujian, maklumat yang menarik, kumpulan khusus, mesej sosial, bahan akademik dan juga gambar-gambar. Hasil analisis telah mengenalpasti empat belas tema yang dikaitkan dengan perasaan ibu bapa apabila menggunakan dan tidak menggunakan *Facebook* seperti kemeriahan bermasyarakat, pemotivasi, leka, gangguan rumah tangga, escapism, meningkatkan interaksi, informasi, pergantungan, seronok, aktiviti kerja terganggu, tekanan, sakit hari dan hilangkan kesunyian.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan *Facebook* dalam kalangan ibu bapa tidak banyak berbeza dengan pengguna generasi yang lebih muda dari segi tujuan, kadar penggunaan, mesej yang dimuat turut serta perasaan apabila menggunakan dan tidak menggunakan laman sosial berkenaan. Ini berkemungkinan kerana ciri-ciri yang terdapat di dalam media sosial berkenaan seperti yang diandaikan dalam Teori Pengaruh Sosial serta juga faktor-faktor lain yang menyebabkan ibu bapa turut merasakan mereka juga perlu menggunakan media sosial tersebut.

BIODATA PENULIS

Che Su adalah Profesor dalam bidang komunikasi organisas di Universiti Utara Malaysia. Beliau telah banyak menulis dalam bidang komunikasi organisasi dan hubungannya dengan komitmen organisasi kepuasan kerja dan komitmen dalm kumpulan kerja. (*chesu402@uum.edu.my*)

Nan Zakiah adalah pelajar PhD di Universiti Utara Malaysia. (*zz-nan@yahoo.com*)

RUJUKAN

- Berita Harian Online, 21 November 2010.
- Ishii, K. (2008). Uses and Gratifications of Online Communities in Japan. Diakses pada 6 Mac 2010 dari www.obs.obercom.pt/index.php/obs/article/download/176/179.
- Loomis, J. E. (2000). *Generation X*. Indianapolis, IN: Rough Notes Co.
- Robbins, B. (1998) 'Introduction part I: actually existing cosmopolitanism', in P. Cheah and B. Robbins (eds) *Cosmopolitics: thinking and feeling beyond the nation*, Minneapolis: Minnesota Press, 1–19.
- Ritcher, A. & Koch, M. (2008). Functions of Social Networking services. COOP'08: the 8th *International Conference on the Design of Cooperative Systems*. Cooperation System Center Munich (CSCM).
- Sheldon, P. (2008). *Students Favorite: Facebook and Motives for its Use*. Southern Mass Communication Journal Spring. 39-53.
- Stauffer, D. (1997). For Generation Xers, what counts isn't work or all play. *Management Review*, 86(11), 7 - 19.
- Mahmud, M. Z., & Omar, B. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar universiti. *Malaysian Journal of Communication*, 29 (1), 35-54.
- Mohamad Isa Abd Ralip. 2010. Facebook bukan saluran terbaik atasi konflik rumah tangga. *Berita Harian*. Diakses daripada [http:// www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my). November 17.
- Mohd Effendi Mohd Matore (2010). Facebook : Fenomena yang membawa ketagihan. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010. Diakses dari http://www.kuis.edu.my/ictconf/proceedings/606_integration2010_proceedings.pdf.
- Yu, HC & Miller, P 2003, 'The generation gap and cultural influence: a Taiwan empirical investigation', *Cross Cultural Management: An International Journal*, vol.10, no. 3, pp. 23-41.

